

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT**

**LAPORAN PROSIDING**

**SESI PENDENGARAN AWAM  
MESYUARAT JAWATANKUASA PILIHAN KHAS MENGENAI  
PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT**

**DI BILIK MESYUARAT SENAT, BANGUNAN CANSELERI  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, KUANTAN, PAHANG**

**PADA HARI JUMAAT, 11 MEI 2012**

---

**SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT (LAMP)  
DI BILIK MESYUARAT SENAT, BANGUNAN CANSELERI  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG, KUANTAN, PAHANG**

**JUMAAT, 11 MEI 2012**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir:**

YB. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin  
[*Menteri Pengajian Tinggi*] - *Pengerusi*

YB. Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]

YB. Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]

YB. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]

YB. Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]

YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah - *Setiausaha*

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]:**

YB. Puan Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]

**URUS SETIA**

Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha I (Perundangan dan Prosiding)]  
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha II (Perundangan dan Prosiding)]

**HADIR BERSAMA**

**Parlimen Malaysia**

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

**Kementerian Pengajian Tinggi**

YBhg. Datuk Ab. Rahim Md. Noor [Ketua Setiausaha]

YBhg. Dato' Rujhan bin Mustafa [Ketua Pengarah Jabatan Pengajian Tinggi]

Encik Mohamad Onn bin Abd. Aziz [Penasihat Undang-undang]

Encik Suhaime Mahbar [Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan]

Encik Raja Adnan bin Raja Ibrahim [Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Perancangan dan Penyelidikan]

Encik Syed Zahiruddin bin Wan Alshagaf [Penolong Setiausaha Unit Parlimen dan Penyelarasan]

**Kementerian Kewangan**

YBhg. Dato' Rahim bin Abu Bakar [Pengarah Belanjawan]

Puan Idahaizura Ibrahim [Ketua Penolong Pengarah Belanjawan]

**Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar**

Dr. Tan Beng Hoe [Ketua Penolong Setiausaha,  
Bahagian Pengurusan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim]

*samb/-*

---

**HADIR BERSAMA** (samb/-)**Jabatan Alam Sekitar**

Puan Halimah Hassan [Ketua Pengarah Alam Sekitar]  
Puan Rohimah Ayub [Ketua Penolong Pengarah Negeri Pahang]  
Puan Norlin binti Jaafar [Pengarah Bahagian Penilaian]  
Puan Sharifah Zakiah Syed Sahad [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penilaian]  
Puan Norhayati binti Mohamad Yusof [Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penilaian]  
Puan Nur Syuhaida Mohd Shamsudin [Penolong Pengarah Bahagian Penilaian]

**Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi**

Encik Abang Othman bin Abang Yusof [Timbalan Setiausaha Bahagian Industri]  
Puan Norliza Zulkafli [Penolong Setiausaha Bahagian Industri]

**Lembaga Perlesenan Tenaga Atom**

YM. Raja Dato' Abd Aziz bin Raja Adnan [Ketua Pengarah]  
Cik Nazuha binti Mohd Jai [Penasihat Undang-undang]  
Encik Hasmadi Hassan [Pengarah Bahagian Perlesenan]  
Encik Hamrah bin Mohd Ali [Pengarah Bahagian Penguatkuasaan]  
Dr. Teng Iyu Lin [Ketua Penolong Pengarah]  
Puan Suhana Jalil [Penolong Pengarah]

**Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri**

Puan Mastura Ahmad Mustafa [Pengarah Bahagian Dasar,  
Sektoral dan Hal Ehwal Pelaburan, Seksyen Dasar Sektoral II]  
Cik Nurshahirah binti Mohd Hadzir [Penolong Pengarah Dasar,  
Sektoral dan Hal Ehwal Pelaburan, Seksyen Dasar Sektoral II]

**Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**

Encik Tan Lai Seng [Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan]

**Majlis Perbandaran Kuantan**

Encik Wan Ismail bin Haji Wan Muda [Ketua Bahagian Bangunan]

**Kementerian Kesihatan**

Dr. Ahmad Riadz bin Mazeli [Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Kesihatan Pekerjaan]  
Encik Ns Aik Hao [Pegawai Fizik Perubatan]

**Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan**

Encik Ahmad Fauzi bin Awang [Pengarah Negeri Pahang]  
Encik Abdul Aziz bin Yahya [Pengarah Bahagian Keselamatan Industri]

**SAKSI-SAKSI (PENDENGARAN AWAM)**

**Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia Cawangan Pahang**

YBhg. Dato' Mas'ut bin Awang Samah [Pengerusi]

**JKKK Kampung Selamat, Tanjung Api**

Encik Mohamad bin Amir Mohsin [Pengerusi]

**MCA Pahang**

YB. Tuan Chang Hong Seong [ADUN Teruntum]

YBhg. Dato' Eg Fook Heng

Encik Chiew Yoke Theng

Encik Choo Kay Boon

Encik Khau Daw Yau

Encik Foo Kok How

**Gabungan Persatuan-persatuan Tiong Hua Kuantan**

Encik Chow Liong

Encik Pang Woon Ping

Encik Lai Min Sing

Encik Kok Chee Hing

**Individu**

Dr. Syed Badaruddin Syed Ali

Encik Mat Azahar bin Mat Lazim

Dr. Jose Rajan

Encik Ariffin bin Ahmad

---

**LAPORAN PROSIDING****SESI PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS  
MENGENAI PROJEK LYNAS ADVANCED MATERIALS PLANT****Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Canseleri,  
Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, Pahang.****JUMAAT, 11 Mei 2012*****Mesyuarat dimulakan pada pukul 9.47 pagi*****[Yang Berhormat Dato' Seri Khaled bin Nordin  
*mempengerusikan Mesyuarat*]**

---

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat Jawatankuasa Pilihan Khas Projek Lynas Dewan Rakyat Parlimen ke-12, Setiausaha Jawatankuasa, Datuk Roosme, wakil-wakil daripada kementerian dan agensi, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Pertamanya saya mengalu-alukan kehadiran dan terima kasih kerana kita masih dapat bersama untuk menjayakan pendengaran awam kita pada hari yang kedua pada hari ini.

Pada hari ini kita akan sambung sesi kita dan kita mempunyai seramai enam kumpulan dan individu yang akan membentangkan pandangan dan aduan mereka kepada kita. Kita cuba untuk menghabiskan pendengaran kita sebelum kita tangguh untuk sembahyang Jumaat. Kalau kita dapat dengar semua, maka kita tidak perlu hadir balik untuk sesi sebelah petang kalau kita dapat habiskan dengar semua dengan enam kumpulan dan juga individu yang telah pun mengemukakan untuk bersama dalam pendengaran awam ini. Jadi itu sahaja yang hendak saya sampaikan, hanya saya berharap semua perkara yang dibangkitkan semalam supaya mana yang boleh maklum balas dapat diserahkan kepada sekretariat.

Okey, kita silakan yang pertama ini Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali. Kita akan adakan secara tertutup. Kita tidak siarkan di luar, hanya dalam bilik ini sahaja. Okey, jemput.

*[Saksi individu mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Pertamanya bagi pihak Jawatankuasa Pilihan Khas, saya ucapkan terima kasih kerana dapat hadir untuk bersama menjayakan pendengaran awam. Pendengaran awam ini diharap dapat memperkenalkan diri dan bolehlah disampaikan dalam bahasa Melayu ataupun dengan izin bahasa Inggeris. Kita rekod di dalam tetapi tidak di luar. Sila.

**9.51 pg.**

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali [Individu]:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya perkenalkan diri saya. Nama saya Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali, saya hadir pada sesi PSC hari ini atas kepentingan pertama sekali saya adalah penduduk Balok. Saya dilahirkan di Sungai Karang Balok, ayah saya dan keturunan saya semua di situ. Kedua, saya adalah pemilik klinik perubatan, Klinik Syed Badaruddin. Kami ada di Kuantan sahaja lebih kurang lapan klinik dan juga tiga di Kemaman dan Terengganu, so sebelas semua. Yang ketiga, saya berada di sini untuk memberikan pandangan saya atas kepentingan saya sebagai doktor kesihatan pekerjaan. Saya adalah doktor kesihatan pekerjaan, *occupational doctor* berdaftar di bawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan semenjak tahun 2000.

Yang keempat, saya juga adalah panel hampir 90% di kilang-kilang di kawasan Gebeng. So saya banyak melakukan lawatan kesihatan, menasihati panel-panel syarikat dalam aspek kesihatan pekerjaan iaitu *make sure* pekerja sihat dan tidak memberi mudarat kepada kilang dan persekitaran dan juga *make sure* persekitaran kilang di sekitarnya tidak memberi kesan kepada pekerja. So hampir 90%. Maka Lynas adalah sebahagian daripada panel kami, dan saya mengikuti kisah Lynas ini daripada awal dahulu, tahun mula-mula dia datang sini pada tahun 19 - empat atau lima tahun dahulu di peringkat awal, selepas itu terhenti lebih kurang dua tahun akibat krisis ekonomi di Amerika. Saya juga antara orang yang mengatur pertemuan di antara pihak PAS terutama sekali dalam memahami isu-isu Lynas sehinggalah saya mengikuti isu kedua-dua belah pihak, surat khabar dalaman dan sebagainya.

Saya juga adalah Jawatankuasa PAS jugalah Tuan Pengerusi. Saya tidak mahu ambil cuma - sebab itu saya minta...

**Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]:** Saya hendak tahu berapa lama doktor sudah buat amalan perubatan di sini?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Saya *graduate* 1986, buka klinik di Balok sejak 1991. So saya memang mengikuti perkembangan industri Gebeng. Apa-apa isu daripada awal Gebeng ditubuhkan...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** AJK PAS kawasan?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Ya, AJK. Saya pernah jadi ketua, saya pernah jadi – sekarang ini saya baru diminta berhenti di Lajnah sebagai AJK Lajnah Ekonomi. Saya pernah juga jadi Timbalan Yang di-Pertua PAS. Saya pernah jadi Setiausaha PAS kawasan Kuantan dan sebagainya.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kawasan?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Kawasan Kuantan. Akan tetapi saya datang ke sini bukan atas *political reason, please*. Sebab itu saya minta tertutup atas sebab takut dimanipulasi isu ini, saya kena hentam di luar susah saya. Saya pula hadapi banyak masalah dan sebagainya untuk memahami isu-isu ini. Saya mengikuti perkembangan ini daripada mula sampai sekaranglah, luar dan dalam. Cuma dari segi aspek masyarakat Cina ini saya tidak berapa faham sangat, tetapi saya faham dari segi aspek masyarakat Melayu di situ, 70% pengundi Berserah adalah pengundi Melayu dari segi peratus pengundi dan lebih kurang 30% adalah masyarakat Cina.

Saya faham, tetapi sebagai kesimpulan ini saya hendak beritahu, cukup penerangan, penerangan telah diberi, cukupkah diberi penerangan oleh pihak Lynas, oleh pihak kerajaan dan juga usaha telah saya buat dan saya telah aturkan supaya sebelum keputusan dibuat, hendaklah kita mendengar dari kedua-dua pihak. Akan tetapi satu belah pihak ini tidak berminat untuk mendengar fakta yang lebih dalam secara saintifik. Sebab isu di sini ialah kita bercakap tentang ketakutan, persepsi. Ini yang saya – yang kita dihadapi ialah persepsi, sangkaan. Sangkaan orang, bergantung kepada sejauh mana orang itu percaya. Dan yang menjadi punca utama ialah persepsi ini bermula apabila – dia mesti ada kaitan dengan politik juga hendak atau tidak hendak. Sebab kawasan itu telah dimenangi oleh pembangkang.

Persepsi politik itu memang ada memainkan peranan dalam peringkat ini. Akan tetapi apa yang hendak saya syorkan kepada pihak PSC, penerangan sudah cukup telah diberi dan saya rasa perkara ini jikalau kita berlanjutan, berlanjutan, berlanjutan, ia tidak akan selesai masalah. *The best way*, satu cara ialah bagi mereka *operate*, buktikan melalui saintifik. Sebab perkara ini hanya boleh kita lakukan – sebab perkara ini berasaskan mesti diasaskan dengan sains, tidak boleh persepsi. Ketakutan orang ini melampau. Takut sampai takut hantu pun sampai orang laki pun jadi penakut. *So mesti based on science*.

Saya dapati isu Lynas ini ialah, satu, kita boleh ukur benda ini. Kita boleh ukur dan benda ini boleh dibuktikan melalui sains dengan *evident* yang cukup. Sebab kita berhadapan bukan dengan persepsi, bukan politik, bukan sangkaan-sangkaan. Kita *based on scientific data*. Jikalau hari ini sebelum dilaksanakan kilang ini kita sudah beri penerangan dan orang tidak percaya, maka fasa yang kedua saya rasa kita tidak perlu tangguhkan lagi pelaksanaan. Bagi mereka jalan dan buktikan melalui sains. Kita beri masa dua tahun dan sebagainya. Saya sangat sokong perkara ini. Kita kena buktikan melalui hujah sains dan sains benda ini boleh diukur. Radiasi semua ini boleh diukur dan kita boleh kawal.

Pengalaman saya di Gebeng ini setahu saya dan dimaklumkan oleh DOSH dan pengalaman saya walaupun di peringkat awal dikatakan macam-macam kesan kimia kepada masyarakat, tidak pernah lagi saya tengok kes kanser dan sebagainya. Saya rasa pihak DOSH boleh membuktikan melalui statistik dan sebagainya.

**Tuan Pengerusi:** Sebelum ada kes Lynas ini kita ada banyak kilang *chemical* di Gebeng *and you are the panel doctor*. Ada atau tidak dari segi sikap pendirian masyarakat Kuantan sebelum ini yang menentang mana-mana kilang yang terdapat kerana persepsi?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Ya, ada dahulu. Contoh di BP Chemicals, Grace Chemical, dahulu pada peringkat awal dia kata kilang ini kilang Amerika menjual benda haram, *in fact* dalam khutbah Jumaat dan sebagainya ada disebut benda-benda begini.

**Tuan Pengerusi:** Akan tetapi semuanya selepas sudah okey didapati tidak ada apa?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Ya, tidak ada apa.

**Tuan Pengerusi:** Itu boleh dijadikan contoh.

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Tidak ada.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** BP apa?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** BP Chemical, Grace Chemical.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Ini di Gebeng?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Ya, ya. Saya menurut satu contoh di kawasan, bukan di kawasan saya tetapi di kawasan Kemaman di mana Huntsman Tioxide, ia memproses hampir bahan yang sama *rare earth* seperti Lynas, 30 tahun punya *experience*. Huntsman Tioxide. Dia mengeluarkan bahan yang sama, *rare earth*, tetapi cuma dia punya bahan yang terperinci itu berbeza tetapi daripada *rare earth* juga. Selama 30 tahun pengalaman dan proses dia hampir sama pakai teknologi yang lama. Kalau tuan-tuan boleh tengok *dumping site* dia, berpuluh-puluh tahun. Pada peringkat awal dahulu masyarakat tempatan yang diketuai oleh PAS dan sebagainya tentang, kata menyebabkan macam-macam masalah tetapi sehingga kini tidak ada bukti yang jelas mengatakan bahawa ada kaitannya. Itu satu contoh yang terbaik yang patut kita fikirkan sebagai satu contoh.

#### ■1000

Saya ada kawan saya dua tiga orang yang bekerja di situ, tidak ada rekod kanser, yang jadi ketakutan, kanser. Saya lihat dalam konteks ini, hujah yang dipakai oleh orang yang menentang, yang dikatakan *public opinion*, kes *rare earth*, Dr Jayabalan, Pakar Kesihatan Pekerjaan, dia bukan pakar *public* umum, dia sama dengan saya. Kalau ikutkan pada tahun 1973, 1970-an, ada satu undang-undang *Factories and Machinery Act*, di mana pengamal perubatan apabila dia melihat ataupun dia merawat ataupun dia mengesyaki kes yang ada dikaitkan dengan kanser akibat pekerjaan, dia wajib melaporkan kepada pihak kerajaan dan jika dan dibuktikan. Jika hendak memastikan pihak Hospital Sains Universiti boleh membuktikan benda ini, tetapi tidak ada rekod mengatakan dia pernah merawat dan melaporkan kes ini yang dia *claim* bahawa ada kanser dan sebagainya.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Dia yang mengata siasat kes ini...



**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Ya, ya, dalam buku ini, saya selalu gunakan di peringkat awal, ini buku dikarangkan oleh BADAR. Untuk mengesyorkan perbincangan di antara pihak PAS dan sebagainya, kita menggunakan buku hujah ini, ada laporan dan sebagainya. BADAR ini adalah Badan Bertindak Anti Lynas di Balok, yang dibuktikan oleh *committee* PAS. Kita berhujah dan bertemu – saya juga telah melawat, saya telah bawa rombongan saya dan saya tengok bagaimana prosesnya, bukan saya berhujah, tetapi saya tengok ia punya proses *plant* dan sebagainya dan saya yakin memang ianya selamat. Apa yang kita hadapi ini ialah selagi kerajaan layan, layan semua ini, saya rasa tidak ada kesudahannya, ini menjadi masalah kecuali atas keputusan politik, itu terpulanglah.

Apa yang pastinya ialah, saya adalah penternak ikan, saya buat *investment* sikit, ternak ikan di kawasan situ, orang kata bahaya dan sebagainya, saya menternak ikan dan juga menternak ketam lembut, ketam lembut ini dia sensitif kepada bahan-bahan *chemical*, di kawasan kilang, betul-betul tidak sampai 3-4 kilometer aliran air daripada kawasan Gebeng. Tidak dinafikan kadang-kadang bila hari hujan, kadang-kadang ikan timbul mati, memang ada sebab kita tidak boleh nak *control* 100% pencemaran, pelepasan, memang ada tetapi bukan satu benda yang *massive* punya *emission*. Kita dah hantar kita punya spesimen ketam kita dan juga ikan ke Jabatan Perikanan, namun tidak ada *heavy metal* dan sebagainya, walaupun industri macam-macam industri dan sebagainya. So saya rasa kita masih lagi *confident* tentang pencemaran di peringkat kawasan Gebeng dan apatah lagi dengan adanya Lynas ini saya rasa tidak akan memberi kesan yang mudarat seperti yang disangka.

Akhir sekali ialah, saya juga membeli rumah untuk buat sewaan, orang kata rumah jatuh harga, orang lari, saya hendak cari rumah untuk pekerja, tidak ada sekarang. Saya hendak cari pekerja saya, doktor saya hendak duduk, puas cari rumah, homestay banyak, pelancong datang dan sebagainya. Dari segi *value* rumah kalau hendak sewakan, harga makin bertambah mahal, itu dari segi pengalaman saya yang saya hendak *share* mengatakan kesan terhadap perumahan.

Keempat ialah, saya juga buat *business supply* pekerja kepada industri, permohonan untuk Lynas, permohonan untuk membekalkan pekerja kepada Lynas untuk bekerja di kawasan industri, syarikat saya terima lebih kurang 500-600 permohonan pekerja tempatan. Ramai yang tidak bekerja, macam pekerja kontrak dan sebagainya. Ini realiti, fail saya bertimbun tinggi, 500 permohonan daripada masyarakat tempatan untuk bekerja.

Dengan adanya Lynas, saya rasa dia akan menambahkan peluang-peluang pekerjaan dan saya lihat Lynas jujur dalam hal ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]:** Dr., tadi permohonan pekerjaan 500 itu, berapa...

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Syarikat subsidiari saya ada membekalkan *manpower* kepada *semi skill* dan *general worker* kepada Lynas.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Multipurpose doctor ya.*

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Saya boring bekerja lama-lama sebagai doktor ini, hendak cari yang boleh *exercise brain* saya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Dr. yang 500 tu *specifically* kepada Lynas?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** *Specifically for Lynas.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Untuk Lynas sahaja? Semua mohon untuk bekerja dengan Lynas, *knowing all this problem.*

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Sebab saya menang *bidding.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Orang tempatan?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Ya. Orang tempatan, pada peringkat awal riu pun saya dah ada 300 orang.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Jadi dakwaan kata mewakili semua rakyat Kuantan pun tidak betulah ya.

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** *[Ketawa]* Sebab ini *frankly speaking*, kalau you tanya *opinion*, kalau berdasarkan orang memohon sampai 500 orang untuk pekerjaan, ertinya *fear* itu tidak ada.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Saya hendak tanya berkenaan *property* tadi, tak ada dengar langsung orang jual rumah kerana takut Lynas?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Kalau mereka jual, memang ramai yang akan beli, itu sahaja.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Ada tidak yang kata, dia menjual kerana Lynas?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Tidak ada, tidak pernah dengar, kalau kerana berpindah, ada. Mulut orang ada bunyi, tapi realiti, kalau mereka pindah ramai yang membeli.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Boleh saya tanya satu soalan, ini untuk rekod sahaja. Lynas tidak pernah minta you buat penerangan seperti ini?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Saya ingin membantu Lynas secara berdepan, tapi nanti kalau saya bantu Lynas, akan berlaku macam-macam *conflict of interest* dan mungkin saya akan dihentam. Saya pun telah diminta untuk letak jawatan kerana sebab saya mendapat kontrak, kita *bidding*. Sebagai masyarakat tempatan, saya hendak buktikan bahawa ini selamat, ini sahaja mesej yang saya hendak sampaikan sebagai jawatankuasa PAS.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Dr, dalam proses *you* berjumpa dengan pesakit, masyarakat awam, pandangan orang awam sekarang ini macam mana? Ketakutan itu ada tetapi *level of rejection...*

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** *Level rejection*, okey kalau kata *level of rejection*, hujah yang saya pakai ialah *application*.

Kedua, di dalam perbincangan AJK itu sendiri, ada kawasan yang memang tidak popular isu ini dan yang ketiga ialah dari segi *application* dan perbincangan saya, masyarakat ini tidak meluahkan perasaan. Keempat ialah, kalau *you* tengok demonstrasi, hanya beberapa kerat sahaja, makin merosot dari segi sambutan. Cuma orang luar sahaja, bila kita *involved* orang luar, buat aktiviti luar, orang yang tidak tahu, memanglah. Bila orang luar tidak tahu, dia benda yang menarik ini, dia akan tertariklah, tetapi *local* punya isu di kalangan masyarakat Melayu, saya yakin majoriti tidak bersetuju tentang Anti Lynas ini, dan mereka menyokong Lynas. Cuma dari segi luahan, percakapan, tidak ditunjuk.

**Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]:** Bagaimana dengan *colleague* lain? Seperti apabila berbincang dengan doktor lain, adakah mereka mempunyai pandangan yang sama seperti doktor?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Klinik-klinik lain saya tidak berani cakap, sebab apa, kalau *you* tanya doktor, *in fact* MMA pun keluar *statement* bahawa dia tidak bersetuju, ya lah doktor kalau boleh semua dalam dunia ini tidak ada *risk*, *zero risk*. Tidak ada penyakit, dia pun tidak ada kerja. Akan tetapi *actually statement* doktor kalau boleh kita tidak mahu apa-apa penyakit, apa-apa risiko kita kata tidak mahu, tapi *in actual* mana ada dalam dunia ini, semua ada risiko.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Dr Syed ada baca kenyataan oleh Persatuan Perubatan Malaysia, kenyataan Dr Carmen, MMA?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Kenyataan dia sebagai doktor biasa dan *statement* itu betul dari segi konteks doktor, sebab dia kalau boleh tidak mahu risiko, betullah. Mana ada kalau *level of cancer* tidak ada bukti secara saintifik, apakah *levelnya* sama? Akan tetapi yang saya tahu ialah pakar-pakar atom atau saintis mereka satu hal supaya manusia berjaga. *In actual sense*, mana kita tahu *level* yang sebenar, tidak tahu, susah hendak buktikan. Kalau ikutkan punca kanser ini banyak. Tuan-tuan pakai kereta, terpampang di petrol stesen itu gambar tengkorak, Shell dia ada tengkorak, tapi Petronas tidak ada gambar tengkorak, dia tidak sebut kanser, saya tidak tahu apa sebabnya, tidak adilnya, tetapi Shell punya kompeni, ada gambar tengkorak dan boleh menyebabkan kanser. *Very simple basic*, isi minyak tengok stesen minyak Shell, terpampang gambar tengkorak, boleh menyebabkan kanser, tapi kalau tuan-tuan pergi ke Petronas tidak ada gambar tengkorak, tidak tulis kanser.

*In reality, benzene confirms* juga kena kanser, tidak ada keraguan dalam – seluruh dunia terima *benzene*, tapi kita masih guna.

**Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]:** *Inhaling the gases.*

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** *Inhaling the gasoline contain benzene. Benzene is a energy booster* untuk petrol.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Doktor, *I'm interested* kalau boleh *you* terangkan sikit tentang *occupational health* ini ataupun kesihatan pekerjaan ini, apa *you* buat secara *general, briefly*. *You* terlibat sama dengan kilang-kilang *chemical* di Gebeng ini, *how do you – what is the main objective of your job* ini? *You* advise mereka untuk menjalankan *follow the procedures*, so that they are not exposed to *undesirable element*, itu kah? Selain dari itu, *do you go around and advise them? How satisfied are you with* mereka punya *precautionary measures?*

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Okey, saya adalah doktor, masa mula-mula undang-undang itu ditubuhkan pada tahun 2000 berkenaan dengan mewajibkan kilang-kilang yang berbahaya kepada kesihatan untuk membuat satu *medical check up, medical surveillance* dan memerlukan doktor kesihatan pekerjaan. Pengalaman saya, saya pernah menjadi doktor kesihatan pekerjaan di MTB Petronas. Sekarang ini saya menjadi penasihat kesihatan pekerjaan bagi BP Chemical Malaysia, 10 tahun lebih, saya juga penasihat kesihatan kepada FPG Oleochemical Malaysia sekarang ini. Saya juga penasihat kesihatan pekerjaan, bila saya melawat dan habis saya melawat, saya menasihati semua aspek kesihatan dan boleh hubungi saya bila-bila masa sahaja. Kepada Flexsys Chemical Malaysia Sendirian Berhad, semua berada di Gebeng. Saya juga adalah *medical officer and health advisor* untuk Shell Tanjung Gelang di kawasan Gebeng. Saya juga pernah menjadi penasihat kesihatan kepada Eastman Chemical Malaysia Sdn Bhd. So, Lynas pun tengah mengintai saya.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Semua itu berapa tahun?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Ini semua sejak tahun 2000, FPG lebih kurang sembilan tahun, BP lebih kurang 10 tahun.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Selama itu ada tidak rekod apa-apa orang *complain* masalah kanser kah?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Apabila mereka mengadakan kimia yang berbahaya, dia diwajibkan untuk membuat pemeriksaan kesihatan berdasarkan penilaian kesihatan risiko, *they have to measure the air, they have to call, they have to make sure engineering is controlled, so partly*, dia kena buat *medical check up*. So *this company*, apabila pekerja dia *expose* kepada bahan kimia yang berbahaya, dia wajib membuat *medical check up*. Sayalah yang melaksanakan program tersebut. Dalam proses itu, kita kena *interview* pesakit dan kita kena ambil darah, ambil X-ray, periksa paru-paru dan sebagainya. Selepas itu, kita tengok kesimpulannya dan juga kita beritahu *result* kepada pesakit dan laporan kena beri kepada kami dan satu lagi *copy* saya kena beri kepada DOSH.

#### ■1015

Saya punya *certificate* di *renew* setiap tiga tahun sekali dan saya perlu memenuhi syarat-syarat yang dikehendaki oleh DOSH iaitu sebagai doktor kesihatan pekerjaan.

Semenjak saya *interview*, pengalaman saya, saya tidak pernah melihat ataupun berjumpa pesakit yang dikaitkan dengan bahan kimia, menyebabkan kanser ataupun penyakit-penyakit yang disebabkan bahan kimia.. [Disampuk] Tidak ada. Akan tetapi kalau kecederaan itu banyakkah, *injury* biasalah.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa lain hendak dikatakan?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Saya rasa *last* sekali *don't delay*, bagi kepada Lynas buat percubaan. *I mean* bagi Lynas *license*, bagi mereka *operate* terus dan buktikan. Itu sahaja saya punya cadangan,

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Saya hendak tanya sedikit Dr. Syed sebagai orang parti. Adakah *engagement* dibuat dengan orang kawasan seperti Yang Berhormat Kuantan dan Yang Berhormat Indera Mahkota ini?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Semua telah buat dan telah diatur. Akan tetapi keputusan – sebagai ahli parti kita tidak boleh menentang keputusan. Saya sebagai individu, kapasiti individu, “yes”. Perjumpaan telah dibuat.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Jadi, Dr. Syed datang sini atas kapasiti individu?

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Kapasiti individu sebab itu saya minta secara tertutup supaya saya tidak di manipulasi. Atas kapasiti individu, doktor kesihatan pekerjaan, peniaga dan penduduk Balok. Bukan sebagai ahli parti.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Terima kasih.

**Dr. Syed Badaruddin bin Syed Ali:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Kita jemput kumpulan yang kedua, mewakili *Federation of Malaysia Manufacturers*, Dato' Mas'ut bin Awang Samah.

[Saksi dari Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia Cawangan Pahang mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

**Tuan Pengerusi:** Pertamanya, bagi pihak Jawatankuasa kita mengalu-alukan kehadiran. Minta memperkenalkan diri daripada mana dan dalam masa lebih kurang 20 minit, kemukakan apa-apa pandangan ataupun bantahan yang hendak disampaikan. Terima kasih.

**10.19 pg.**

**Dato' Mas'ut bin Awang Samah [Pengerusi Persekutuan Pengilang-pengilang Malaysia Cawangan Pahang]:** *Bismillahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berbahagia Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Datuk-Datuk Ahli-ahli Parlimen dan hadirin sekalian. Saya Mas'ut bin Awang Samah mewakili FMM *Eastern Branch*, cawangan Timur, mewakili Pahang, Kelantan dan Terengganu. Bagi pihak FMM di *Eastern Branch* dan kami juga ada kaitan dengan FMM di federal.

Dalam isu ini, kami selaku *industries, that are – because industry group*. Bagi kami, mana-mana industri ada *risk* termasuk kami dahulu, sama ada kami yang sudah 10 atau 20 tahun kah dan sebagainya, semua ada *risk*. Akan tetapi kita panggil *calculated risk*. Di Malaysia ini, kita sangat dikawal oleh badan-badan ataupun penguatkuasaan pelbagai sama ada *environment* ataupun apa-apa pun, dia punya penguatkuasaan sangat ketat. Sesetengah penguatkuasaan itu lebih hebat ataupun lebih tinggi daripada negara-negara maju. Jadi, Malaysia tidak terkecuali dalam lingkungan dari segi keselamatan.

Jadi, dalam isu Lynas ini, pada kami mereka serupa kami juga, mereka ada *risk* tetapi mereka tahu ataupun telah dibatasi oleh perkara-perkara yang seharusnya mereka buat oleh undang-undang, mereka tidak terkecuali. Bukan mudah untuk memenuhi kehendak undang-undang itu. Jadi pada kami, setelah kami mendengar beberapa kali sama ada taklimat ataupun daripada panel ataupun daripada mereka sendiri. Pada kami kemungkinan ada beberapa isu sahaja yang mungkin bukan kami kata tidak sokong tetapi kemungkinan mereka kena ataupun mendapat jawapannya. Khususnya satu sahaja iaitu dia punya *waste* sebab dalam taklimat mereka juga daripada *Australian* itu sendiri yang memberitahu kepada kami, di sini jawapan dia masih kami tidak begitu, bukan kami tidak pasti tetapi dia tidak memberikan jawapan yang konkrit dari segi *waste*.

Oleh kerana dia kata kemungkinan *waste* nya itu boleh buat itu, buat ini dan sebagainya dan dia tidak buktikan. Perkara lain-lain bagi kami, sama dan serupa kami dahulu, industri-industri yang kami buat sekarang ini, macam-macam industri yang kita buat *petrochemical* dan sebagainya. Jadi, ini bermakna mereka ini kalau sekiranya dapat memenuhi kehendak daripada undang-undang yang telah kita lindungi di Malaysia ini, rasa saya tidak ada sebab mereka tidak disokong. Kami agak berasa kecewa kerana kalau mereka lewat kami faham dari segi kelewatan itu adalah merugikan syarikat ini sendiri. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Dato' memang orang Kuantan?

**Dato' Mas'ut bin Awang Samah:** Saya orang Pahang dan kebanyakan masa saya duduk di Kuantan. Pernah bermastautin di Kuantan juga, 12 tahun.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Jadi Dato', maknanya penting penerangan berkenaan pengurusan sisa ini diberikan? Penting yang itu?

**Dato' Mas'ut bin Awang Samah:** Daripada ahli-ahli FMM ini yang bukan semua tetapi yang berkata mungkin yang itu sahaja yang sedikit tidak jelas. Malah kepada *Australian* itu, kami juga membuat cadangan. *Why don't you show something? You show us* dekat mana dia pernah buat. Dia kata dia pernah, agregatnya benda itu dijadikan simen ataupun dia buat jalan dan sebagainya. *Get somebody and you show it*. Kalau misal kata dia kata dia pernah buat dekat Sulawesi atau dekat Kalimantan, *just show it, just to prove to the public that this thing can be done*.

Itu sahaja. Dari segi ekonomi, kami memandang ini satu prospek yang sangat besar kepada negara ini bukan kepada *company* ini tetapi kepada negara ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Boleh *elaborate* sedikit Dato', tentang kepentingan dan kebaikan ekonomi kepada negara?

**Dato' Mas'ut bin Awang Samah:** Perkara ini bagi kami kerana dia mengeluarkan produk yang sangat mempunyai potensi pada masa akan datang. Dahulu kita kata perkara yang kita lihat mungkin kita rasa di sekitar kita sahaja. Akan tetapi sekarang ini kita telah melihat potensi-potensi yang ada kaitan, misal kata dengan keperluan telefon, macam keperluan yang elektronik ini. *This are the potential*. Jadi, bagi kita sebagai *businessman*, *potential is something that we look at forward in the future*. *Of course* dengan kawalan-kawalan keselamatan dan sebagainya tadi.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Adakah Dato' setuju dengan keputusan MITI untuk memberikan *tax holiday* untuk 12 tahun dan bermacam-macam insentif kepada Lynas untuk datang ke sini?

**Dato' Mas'ut bin Awang Samah:** Kalau tadi disebut MITI, mereka telah menilai ya, bagi saya bukan satu badan, bukan satu orang, bukan satu *department* tetapi pelbagai jabatan telah terlibat dan tentunya bagi saya ini adalah satu peluang bagi dia. Kalau dia tidak misal kata – *because their investment is very big*, kalau tidak *attractive*, saya tidak percaya mereka akan datang ke sini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Dato' setuju...

**Dato' Mas'ut bin Awang Samah:** Saya tidak terkilan sedikit pun kalau mereka dapat, walaupun 20 tahun umpamanya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Okey.

**Dato' Mas'ut bin Awang Samah:** Itu adalah peluang perniagaan.

**Tuan Pengerusi:** Bagi kalangan orang-orang yang berniaga dalam industri itu adalah perkara biasa. Mungkin bagi orang biasa dia tidak tahu. Jadi, itu yang mungkin dia – Okey, terima kasih. Sudah Dato'. Terima kasih Dato'.

**Dato' Mas'ut bin Awang Samah:** Okey. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

**Tuan Pengerusi:** *Walaikumussalam*. Kita jemput yang ketiga ini, wakil individu selaku Pengerusi JKKK Kampung Selamat, Tanjung Api iaitu Encik Mohamad bin Amir Mohsin. Jemput.

[Saksi individu mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

**Tuan Pengerusi:** Pertamanya, Jawatankuasa mengalu-alukan kehadiran. Harap dapat memperkenalkan diri dan datang dari mana, kemudian kemukakan apa sahaja perkara dan kenyataan yang hendak dibuat yang hendak disampaikan kepada Jawatankuasa dalam masa 20 minit.

**10.27 pg.****Encik Mohamad bin Amir Mohsin [Pengerusi JKKK Kampung Selamat, Tanjung Api]:**

Okey. Terima kasih. Saya Mohamad bin Amir Mohsin, Pengerusi Ketua-ketua Kampung Daerah Kuantan. Jadi, saya memang duduk di Kuantan ini sudah lamalah. Jadi, berkaitan dengan perkara Lynas ini, memanglah kita tidak nafi kerana setiap perkara yang kerajaan kemukakan atau cadang atau menerima, memang kita yakin dan percaya perkara ini perkara baik. Tidak ada satu negara yang hendak bawa perkara yang menyusahkan rakyat. Kita yakin bahawa Lynas ini adalah satu syarikat perniagaan. Jadi, menjadi satu isu pada hari ini kononnya ia adalah bahan-bahan yang berbahaya seperti atom dan sebagainya.

Kita sudah sampai ke tahap yang mana kita hendak pergi kepada kemajuan. Bila satu negara hendak maju, dia mesti menerima apa pun risiko. Seperti Lynas ini, nadir bumi ini memanglah dia berniaga. Kalau kita tengok di negeri China, syarikat-syarikat kecil membawa keuntungan yang besar hasil daripada perniagaan nadir bumi. Saya yakin bahawa Lynas di Kuantan ini tidak menjadi satu halangan kerana sudah ramai orang bercakap. Semua orang bercakap, pakar-pakar bercakap seperti pakar daripada pihak pembangkang sendiri pun bercakap, menyatakan Lynas ini tidak bahaya.

Jadi, kenapa kita hari ini hendak pertikaikan sangat mengenai Lynas, sedangkan yang lain-lain itu banyak lagi yang bahaya. Kalau hendak kiralah bahaya ini, di mana-mana sahaja. Hari ini kalau kita kata hisap rokok pun lagi bahaya. Akan tetapi Lynas ini adalah satu syarikat yang besar, yang berniaga di dalam Kuantan ini untuk membawa keuntungan. Saya menyokong penuh kerana kita yakin dan percaya bahawa Lynas ini tidak membawa sebarang bahaya kerana kita percaya Lynas adalah satu syarikat nadir bumi yang boleh kita berniaga dan membuat keuntungan yang besar. Keuntungan ini adalah untuk negeri.

Oleh kerana kita faham setiap negeri mesti adalah pelaburan, kalau tidak ada pelaburan, kita tidak boleh hendak memajukan negeri itu sendiri. Seperti di Pahang ini, Pahang ini besar, memerlukan banyak pelabur yang perlu datang ke Pahang.

**■1030**

Kita tengok hari ini pun banyak syarikat-syarikat gergasi masuk ke Pahang. Jadi kalau kerajaan hendak tapis, kerajaan ini bukanlah anak kecil, dia pun cerdik, bukanlah satu kerajaan yang tidak ada pengetahuan, dalam kerajaan hari ini memang pelbagai pakar ada. Jadi kerajaan dah tapis, dah buat yang terbaik, tetapi kenapa kita yang tidak tahu apa-apa ini, yang rakyat biasa ini yang tidak tahu apa-apa, dengar cakap orang, lepas itu kita melompat, kita tidak tahu apa yang kita cakap

**Tuan Pengerusi:** Maknanya Encik Mohamad tidak ada masalah dengan Projek Lynas?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Saya rasa tidak ada masalah.



**Tuan Pengerusi:** Saya ada beberapa soalan. Pertamanya, Encik Mohamad adalah Pengerusi Ketua-ketua Kampung?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Ya, di daerah Kuantan.

**Tuan Pengerusi:** Jadi adakah ini secara individu atau cakap ini mewakili semua ketua kampung?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Saya mewakili ketua kampunglah.

**Tuan Pengerusi:** Apabila datang ke sini?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Kedua, bagaimana pula dengan tahap penerimaan masyarakat?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Saya melihat dari segi ini, kita cerita yang sebenarnya. Dari segi bangsa Melayu, tidak menjadi masalah, tidak ada membantah sangat, tapi dari segi bangsa lain itu ada sikit membantah, sebahagian, kerana terikut-ikut menentang kerajaan. Dia bukan masalah Lynas itu sangat, tetapi masalah tidak suka kepada kerajaan. Jadi kita sekarang ini seolah-olah kita sudah seret perkara ini ke dalam politik. Sebenarnya dari hati kecil dia memang suka tapi oleh kerana politik, dia menjadi pembangkang, itu sahaja.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Encik Mohamad, tadi dikatakan mewakili ketua-ketua kampung. Ada membuat mesyuarat tidak sebelum datang ke sini, dapat *endorsement* kah ataupun dah berbincang sebelum datang ke sini untuk mengambil pendirian untuk menyokong projek Lynas ini?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Saya begini, saya sepatutnya bermesyuarat minggu depan, tapi saya dah meninjau – kerja saya meninjau, pergi ke semua tempat lebih-lebih lagi di sebelah Gebeng. Saya dah tanya sedikit sebanyak orang di sebelah sana, dia kata tidak ada masalah. Bagi sesetengah ketua kampung, tidak menjadi masalah. Jadi di sebelah sana pun ketua kampung saya pun memang menyokong Lynas, tidak menjadi masalah kerana tidak ada bukti lagi yang mengatakan Lynas ini bahaya. Jadi dari segi apa itu memang kita terima.

**Tuan Teng Boon Soon:** Maafkan saya, saya dari Johor, saya tidak pasti, adakah kampung-kampung yang disebutkan tadi di sekeliling Gebeng atau di sekeliling Kuantan?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Kampung yang hampir dekat iaitu Kampung Gebeng itu sendirilah.

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Nama dia Kampung Gebeng?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Ha, Gebeng, Sungai Ular, itu yang berdekatan, yang lain itu jauh.

**Dato' Abdul Rahman Dahlan:** Sungai Ular?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Sungai Ular.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Mereka setuju?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Mereka tidak ada masalah, tidak menjadi keberatan bagi mereka di situ. Cuma yang menjadi keberatan ini mereka yang datangnya dari luar, datang dari jauh, yang mungkin tidak ada kena mengena dengan kilang tersebut.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Encik Mohamad, hendak tanya sikit. Ada tidak timbul perkara berkaitan dengan orang kampung hendak jual tanah, hendak lari keluar, ada tidak?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Tidak ada timbul langsung. Tanah di situ makin mahal sekarang... *[Ketawa]* Orang hendak jual kerana dia meniaga. Kalau ada orang hendak beli mahal, dia juallah

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** ...Akan tetapi disebabkan takut Lynas kah, bom atom meletup kah, tidak ada ya?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Siapa cakap ada bom atom?

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Tidak ada. Orang yang duduk berceritalah. Sebenarnya atom ini satu bahan yang membawa faedah kepada kita. Masa depan esok bila *electricity* ini sudah tidak ada kuasa, terpaksa guna atom juga, betul tidak?... *[Ketawa]* Perkara ini perkara penting kepada rakyat.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Ini Lynas bukan *nuclear plant*.

**Tuan Pengerusi:** Ada apa-apa lagi? Kalau tidak apa-apa, terima kasih Encik Mohamad.

**Encik Mohamad bin Amir Mohsin:** Sama-sama. *Assalamualaikum*.

**Tuan Pengerusi:** Kumpulan yang seterusnya adalah daripada MCA Pahang, diketuai oleh ADUN Teruntum, Yang Berhormat Chang Hong Seong.

*[Saksi-saksi dari MCA Pahang mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Salam sejahtera dan selamat pagi. Pertamanya Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Projek Lynas, kita mengalu-alukan kehadiran kumpulan ini untuk bersama menjayakan pendengaran awam kita. Sebelum dimulakan, diharap dapat memperkenalkan diri dan untuk makluman, kita rekod semua prosiding ini. Tujuan jawatankuasa ini adalah untuk mengumpul maklumat, mendengar pandangan termasuk perkara-perkara yang dibangkitkan oleh pelbagai pihak yang datang ke pendengaran awam ini. Memandangkan kumpulan ini ramai, kita beri masa dalam setengah jam untuk sampaikan, sebab kita telah mulakan pendengaran awam ini daripada semalam dan banyak perkara juga yang telah dibangkitkan dan saya percaya ia tidak lari daripada berkisar kepada beberapa perkara. *So some of the things need not have any elaboration*, sebab kita sudah tahu, dengan membangkitkan perkara itu sahaja kita sudah tahu. Jadi apa pun dalam masa *half an hour*, saya jemput ketua kumpulan untuk mulakan.

**10.39 pg.**

**Tuan Chang Hong Seong [Wakil MCA Pahang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Saya adalah Chang Hong Seong, ADUN daripada kawasan Teruntum di Bandar Kuantan. Hari ini kita bersama dengan rombongan daripada MCA Pahang, khususnya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk menghadiri sesi pendengaran PSC Lynas hari ini. Saya bagi pihak MCA Pahang ingin mengucapkan terima kasih dan kita ada bawa satu memorandum dan sudah disampaikan di mana membangkitkan lima perkara dan kalau boleh diizinkan.

Satu adalah tentang keraguan dan kebimbangan masyarakat umum khususnya di kawasan Bandar Kuantan tentang sisa bahan yang akan dihasilkan daripada proses perkilangan Lynas ini. Jadi, banyak soalan dan juga perkara yang dibincangkan tetapi informasi yang diterima oleh masyarakat umum masih tidak sempurna dan ini menyebabkan banyak lagi masyarakat umum khusus di Bandar Kuantan khasnya golongan Cina yang masih bimbang dan ragu dan membantah tentang kilang Lynas yang bakal dimulakan operasinya di Gebeng ini.

Isu pertama tadi tentang isu sisa bahan yang dihasilkan, memang kita ketahui sisa tersebut ada kesan radioaktif, kesan *chemical*, tapi kita tidak mendapat maklumat yang sepenuhnya tentang keselamatan dan juga apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kilang tersebut untuk memastikan kesihatan dan juga alam sekitar sekeliling kita tidak terganggu hasil daripada proses pengilangan tersebut. Jadi hasil daripada perbincangan MCA pusat khususnya, sekiranya sisa bahan yang dihasilkan tidak dapat dikendalikan dengan sempurna, pihak MCA ingin mencadangkan bahawa sisa bahan yang dihasilkan tersebut dieksport ke luar negeri kalau boleh, itu satu.

Keduanya tentang permohonan untuk mengadakan satu *Environment Impact Assesment (EIA) Report* yang dikatakan sepatutnya diadakan sebelum kilang tersebut diberi lesen tetapi sampai sekarang pun belum dibuat oleh pihak *authority* yang berkenaan. Jadi kita pohon kalau boleh *EIA report* itu patut dijalankan yang merangkumi bukan sahaja unsur radioaktif, terdapat juga *chemical waste*, air dan juga sebarang pencemaran udara kalau ada.

Ketiganya, tentang kebimbangan *facility storage*, kerana dikatakan bahawa kilang Lynas ini akan mewujudkan satu *facility storage* yang sebesar 140 luasnya seperti padang bola sepak. Jadi, kita pun tidak tahu benar atau tidak benar sebab saya sendiri pun tidak pernah dijemput untuk melawat kilang tersebut. Jadi ini adalah fakta-fakta yang saya rasa patut diberitahu kepada orang awam supaya keraguan kita ini dapat *diclearkan* secara rasmi. Sebenarnya kalau betul ada *facility storage* yang begitu besar, kita harap perkara seperti kilang tersebut patut jauh daripada tempat-tempat yang ramai penduduk dan di satu lokasi yang mana tanahnya tinggi daripada *ground water level* kalau boleh.

Dan seterusnya ia patut diberi kepastian sama ada kapasiti yang sedia ada itu dapat menampung apa pemprosesan yang akan dijalankan oleh kilang Lynas tersebut patut diambil kira, sebab setahu saya, kilang sementara di Gebeng itu hanya dapat menampung kapasiti selama lima tahun sahaja.

Keempatnya tentang proses pemantauan. Jadi ini adalah satu-satunya yang patut kita perhatikan di mana kita difahamkan juga daripada laporan IAEA, satu jawatankuasa *independent* patut diwujudkan oleh pihak kerajaan untuk memantau projek ini, tetapi sampai sekarang saya tidak tahu apakah status jawatankuasa pemantauan tersebut. Sekiranya ada, kita patut memasukkan ahli-ahli daripada *independent* khususnya pakar-pakar yang berkelayakan untuk memastikan segala undang-undang ataupun standard yang ada patut dipatuhi oleh kilang tersebut untuk memastikan keselamatan dan juga kesihatan orang ramai dijaga sepenuhnya dan tidak akan menjejaskan kedua-dua unsur tersebut.

Terakhirnya tentang isu *lack of transparency*. Memang ketelusan projek ini memang mendapat banyak aduan daripada pihak orang ramai, khususnya daripada pihak saya sendiri juga, di mana kita memandangi kilang Lynas ini sungguhpun memohon lesen, tetapi kebanyakan masa pihak kerajaan yang memikul tanggungjawab untuk menjawab soalan-soalan yang saya rasa patut dijawab oleh Lynas.

#### ■1045

Jadi, kita kadang-kadang dipandang ini adalah satu projek kerajaan dan bukan projek swasta. Jadi, saya kurang puas hatilah dengan transparensi yang ditunjukkan oleh pihak syarikat di mana mereka senantiasa berdiam dan dalam sesi-sesi taklimat kita pun mereka jarang keluar untuk mempertahankan apa yang diunjurkan oleh masyarakat ataupun yang membantah sama ada fakta-fakta mereka itu adalah betul ataupun salah. Akan tetapi, pihak Lynas saya rasa gagal untuk menjawab soalan-soalan tersebut.

Jadi, inilah yang satu unsur yang menjadikan isu Lynas ini satu isu yang berperingkat nasional sekarang. Jadi, saya juga berharap kalau boleh pihak AELB juga dapat menjalankan tugasnya dengan lebih *transparent* khususnya kepada pertanyaan-pertanyaan daripada pihak masyarakat. Kalau boleh janganlah kita lebih nampak autoritatif. Contohnya, banyak orang yang bising sebab apa sebab apabila kita pergi *review the public report by the Lynas*, mereka dikehendaki untuk mencatat dengan tangan *words by words* dan melukis graf itu dengan secara sendiri. Bagi saya, kita sepatutnya lebih *transparent*, bagilah *facility* kepada mereka untuk fotostat sahaja *report* tersebut supaya mereka menampakkan kita tiada *nothing to hide from us*. So, that we have convinced the crowd. Jadi, isu keyakinan daripada orang ramai kepada kilang ataupun pemprosesan kilang ini adalah satu isu yang susah kita tandingi sekarang. Jadi, itulah lima perkara yang saya ingin bangkitkan bagi pihak MCA, Pahang. Mungkin kawan saya, dia hendak memberikan maklumat lanjut. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**10.48 pg.**

**Dato' Eng Fook Heng [Wakil MCA Pahang]:** Salam sejahtera. Saya Dato' Eng Fook Heng, bekas Senator, baru minggu lepas sahaja habis. Okey, *thank you*. Saya juga Ketua Bahagian MCA, Paya Besar dan untuk makluman UMP ini di dalam kawasan Paya Besar. Jadi, saya mengalu-alukan tuan-tuan, Dato'-Dato' semua, dengan izin, Canselor. Saya juga Ahli Exco Perhubungan Negeri Pahang, MCA Pahang. Saya disarankan oleh Pengerusi saya, Dato' Sri Liow Tiong Lai untuk mengemukakan beberapa pandangan untuk PSC ini.

Terutamanya ialah kedudukan MCA ataupun MCA *stand*. Pegangan MCA adalah semua sisa daripada kilang Lynas ini perlulah dihantar ke luar negeri. Ini kita punya *stand, we are very firm on this*, hantar ke luar negeri dan tidak boleh disimpan di Gebeng. Kedua, kami difahamkan, saya bukan *expert*lah, saya difahamkan torium ini ada mempunyai *half life* sepanjang 1.4 bilion tahun. Itu terkejut saya dengar ini, sama ada betul atau tidak, terpulang kepada *expert* untuk mengkaji tetapi kalau 1.4 bilion itu berapa puluh tahun, berapa tahun ini anak, cucu, cicit kita semua ini.

Jadi, ini bermakna dalam jangka masa panjang ini *background* kita ada *radioactivity* ini mesti akan bertambah kerana sisa buangan torium ini. Saya juga difahamkan bahawa torium ini mengandungi *alpha ray* dan *gamma ray* yang juga tidak baik untuk kesihatan manusia. Kemudian ketiga, saya juga difahamkan bahawa *discharge* air telah digunakan, asid sulfurik ini tidak boleh sekali pun dibiarkan mengalir ke sungai ataupun ke laut. Ini mesti *dicyclekan*, ini cadangan ya. Orang Kuantan tidak mahu, terutamanya masyarakat Cina, mereka tidak mahu Lynas ada di Kuantan.

Saya juga rasa sedikit terkilan kerana semalam saya tengok TV, saya dapati Tuan Pengerusi umumkan dalam NTV7 bahawa Lynas ini mempunyai standard yang tertinggi di dunia atau ada yang tengok TV kalau salah. Saya rasa ini tidak patut diumumkan dalam proses pendengaran ini sedang akan dijalankan. Ini akan memberikan rakyat satu pandangan bahawa *committee* ini mungkin *bias* sebab dalam proses siasatan sudah umumkan. Saya rasa ini tidak begitu tepatlah. Patutnya kumpul semua sekali, *then you make a general statement* ataupun pengumuman yang sepatutnya. Ini mungkin mengelirukan rakyat. Kalau ikut pandangan Tuan Pengerusi, apa yang disebut semalam, kalau kilang Lynas ini adalah terselamat sekali di dunia, itu pada hari ini.

Macam mana pula esok, lusa. Kilang ini lama-kelamaan ia akan rosaklah, bahagian ia rosak, paip bocorkah, *I* tidak tahu ataupun *disaster, natural disaster* berlaku. Sekarang dunia, *climate change*, apa-apa pun boleh jadi. Dulu kita tidak banyak banjir, sekarang banyak banjir. Penang sudah tsunami. Itu pandangan orang ramai di Kuantan. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** *I just want to* rujuk pada apa yang disebut sebagai mungkin kenyataan saya. Semalam saya dalam *press conference* maklumkan dalam perjumpaan kita dengan Lynas, kita telah diberi taklimat. Sebelum itu pun kita telah berjumpa dengan beberapa pakar yang menyatakan bahawa kilang itu adalah yang paling selamat dan mempunyai *state of the art technology*.

**Dato' Eng Fook Heng:** Saya setuju tetapi...

**Tuan Pengerusi:** *So, two different things*. Jadi, macam ini sekarang, habis Majlis ini sekarang semua ini nanti, *press* akan tanya kepada saya. *So*, saya akan cakaplah apa yang *you all* cakap. Bukan maknanya saya...

**Dato' Eng Fook Heng:** Saya rasa benda ini patut diumumkan kemudian. *No statement from now*.

**Tuan Pengerusi:** Apa yang kita akan rumuskan itu memang kemudian tetapi apa yang dibentangkan saya akan beritahu.

**Dato' Eng Fook Heng:** Sebab kalau saya adalah pembawa kilang ke sini, saya mesti mengatakan kilang itu bagus dan selamat dan semua *expert* daripada kementerian dan mana-mana pun yang meluluskan projek ini, mereka mesti menjaga, bersetuju mengatakan ini adalah baik.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Saya hendak tanya sikit soalan Yang Berhormat Teruntum.

**Tuan Chang Hong Seong:** Ya, saya.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Dan Yang Berhormat Senator.

**Dato' Eng Fook Heng:** Bekas.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Bekas. Itu akan bertanding calon mana itu?

**Dato' Eng Fook Heng:** Baru sahaja... *[Ketawa]*

**Seorang Ahli:** Mungkin, mungkin.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Semua kekhuatiran ini yang disebut tadi berdasarkan atau bersandarkan maklumat daripada mana?

**Dato' Eng Fook Heng:** Saya ini disarankan daripada Dato' Sri Liow Tiong Lai...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Tidak apalah, tidak apa.

**Dato' Eng Fook Heng:** Iaitu semua kumpul daripada pengetahuan orang ramai terhadap Lynas. Persepsikah, apakah, saya tidak tahu.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Setakat yang kita diberitahu sekarang ini, pengetahuan orang ramai bukan macam itu. Ada perbezaan. Jadi, kita hendak tahu yang MCA Pahang punya pendirian berdasarkan sumber maklumat apa? Supaya kita boleh rujuk dan kita boleh buat kita punya rumusan. *You are making a general statement*, so sekarang ini kita hendak tahu *you* rujuk kepada apa hendak kata sisa ini bahaya, yang ini kata tidak boleh, yang ini kena hantar keluar, berdasarkan sumber apa, supaya Jawatankuasa ini boleh analisa sumber itu.

**Dato' Eng Fook Heng:** *You mesti faham bahawa kita MCA ini adalah parti politik. Jadi, kita ini hidup mati bergantung pada rakyat.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kepada politik?

**Dato' Eng Fook Heng:** *Alright. So...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *You are relaying on political concern?*

**Dato' Eng Fook Heng:** *Delaying the politics and MCA sums up a stand here and we are not expert.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Adakah MCA Pahang pernah buat lawatan ke kilang Lynas?

**Tuan Chang Hong Seong:** Belum lagi.

**Dato' Eng Fook Heng:** Tidak dijemput.

**Tuan Chang Hong Seong:** Tidak dijemput. Itulah, sungguhpun Tuan Pengerusi mengatakan kilang tersebut mungkin satu kilang yang paling canggih di dunia tetapi kalau boleh kita berharap diberi peluang untuk diberi penjelasan macam manakah kilang tersebut dapat dijalankan...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Jadi kalau dijemput oleh kilang Lynas, MCA akan pergi?

**Tuan Chang Hong Seong:** MCA akan pergi, *yes*.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kita akan cadangkan.

**Tuan Chang Hong Seong:** *Yes*.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Okey.

**Tuan Chang Hong Seong:** *Not even us, the general public itself, they are quite confuse...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Adakah MCA Pahang ada pengetahuan, sudah banyak kita tengok rekod, sudah banyak lawatan ke kilang itu oleh orang awam. Sudah ada sudah pun, banyak.

**Tuan Chang Hong Seong:** Kita hanya baca daripada laporan surat khabar memang ada kumpulan-kumpulan yang dibawa untuk melawatlah tetapi belum sampai lagi yang giliran kita di sini. Sungguhpun kita ini adalah satu parti politik yang utama juga di kawasan Pahang.

**Tuan Teng Boon Soon:** Saya hendak komen tentang dua orang Yang Berhormat Senator ...

**Tuan Chang Hong Seong:** Ya.

**Tuan Teng Boon Soon:** ...Yang komen tentang *statement* yang dikeluarkan oleh Menteri. Saya rasa itu satu jangkaan yang, satu *intention* yang baiklah dari segi kepentingan politik BN. Kami faham dan saya cadangkan juga MCA sepatutnya sudah melawat Lynas.

**Tuan Chang Hong Seong:** Belum lagi.

**Tuan Teng Boon Soon:** *I think you have to kena secepat mungkin lawat. Lynas sudah declare bahawa mereka sanggup menjawab segala soalan. They have nothing to hide. I think MCA must in the know of every aspect you raise in this hearing, we must be in the know.*

**Tuan Chang Hong Seong:** *I think we...*

**Tuan Teng Boon Soon:** *Because I am from MCA also.*

**Tuan Chang Hong Seong:** *All of us here have the intention to go, but we haven't been given the opportunity.*

**Tuan Teng Boon Soon:** *I think Lynas must consider immediately. Give them the opportunity, make arrangement with them to visit the plant.*

**Tuan Chang Hong Seong:** *So, I hope during the visit, we don't want to face the same problem by some of the press man where during the visit they were not even allowed to ask question.*

**Tuan Teng Boon Soon:** *No, they will answer all questions. That is what they had declared.*

**Tuan Chang Hong Seong:** *That's why I hope they can be more open.*

**Tuan Teng Boon Soon:** *They have given the undertaking. They will answer all questions raised by you.*

**Tuan Chang Hong Seong:** *Kalau boleh kita juga ingin bawa pakar-pakar kita yang ada daripada TAR College you know, we have a few professor...*

**Tuan Teng Boon Soon:** *Yes, why not, why not.*

**Tuan Chang Hong Seong:** *We will bring them, but give us a date then we should go.*

**Tuan Teng Boon Soon:** *They are very willing to answer.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Kalau boleh Yang Berhormat...*

**Tuan Chang Hong Seong:** *Ya.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Saya cadangkan sebagai sebuah parti politik yang berdasarkan kepada rakyat, kenapa kalau boleh MCA bagi tahu...*

**Tuan Chang Hong Seong:** *Never mind, we will make the appointment as soon as possible.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Dan bagi tahu kata kita hendak bawa pakar-pakar ini. Yang kami diberitahu semalam, mereka bersedia, kalau boleh bawa pakar.*

**Tuan Chang Hong Seong:** *That's why I am saying just now also, Lynas has not taking the initiative, rather than waiting for us to approach them. They should come to us.*

**Tuan Teng Boon Soon:** *No, no, I don't agree with that you know. I don't agree with that. As wakil rakyat, I think we should take a step also apart from waiting. Don't wait.*

**Tuan Chang Hong Seong:** *We will go...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Sebagai wakil rakyat parti politik, I think we should be more proactive rather than waiting.*

**Tuan Teng Boon Soon:** *You make the move, you ask for it. If they don't give you and that is their mistake.*



**Tuan Chang Hong Seong:** *It's okay, I think we sure...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Yang Berhormat, saya hendak tanya satu soalan. Maksudnya, Lynas sendiri tidak pernah halang MCA Pahang kah untuk pergi. Tidak pernahlah?

**Tuan Chang Hong Seong:** *Not at this moment.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Tidak adalah?

**Tuan Chang Hong Seong:** Pasal dalam hal ini, MCA jarang berkomunikasi dengan Lynas.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Jadi, saya...

**Tuan Chang Hong Seong:** *We have once before invited them come to us to brief us that was way back in three years ago.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Jadi sekarang ada cadangan hendak pergilah?

**Tuan Chang Hong Seong:** Ya.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kemudian saya hendak tanya juga, ada tidak MCA Pahang engage dengan pakar-pakar yang ada di sini seperti pakar perubatan?

**Tuan Chang Hong Seong:** *That's why Pengerusi MCA Pahang kita semasa public hearing yang pertama with the IAEA, we bring along our professor from UTAR. He was there also in the national symposium last week. So, I think we will bring him there and whomever who can contribute towards that visit.*

**Dato' Eng Fook Heng:** Tuan Pengerusi, izinkan saya menjawab balik pertanyaan Yang Berhormat Dato' Zulkifli tadi yang mengatakan saya keluarkan buktikah, apakah. Apa yang saya sebut tadi...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Bukan bukti, saya tanya apa rujukan supaya kami boleh...

**Dato' Eng Fook Heng:** Saya akan cari rujukan itu hantar balik.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Boleh, terima kasih.

**Dato' Eng Fook Heng:** Sebab apa yang saya sebutkan tadi adalah *half life* torium adalah 1.4 bilion tahun, itu sahaja yang saya sebut, dan torium mengandungi *gamma ray* dan *alpha ray*...

■1100

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kalau boleh bagi, sebab kita hendak tahu kekhuatiran ini berdasarkan fakta kah, berdasarkan persepsi kah.

**Dato' Eng Fook Heng:** Okey, saya akan cari dan beri kepada *committee* ini.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Itu yang kita hendak tahu itu. Okey, terima kasih.

11.00 pg.

**Encik Chiew Yoke Theng [Wakil MCA Pahang]:** Tuan Pengerusi, boleh izinkan saya bercakap? Saya Ketua Pemuda MCA Bahagian Kuantan, Andy Chiew... *[Disampuk]* Ketua Pemuda MCA Bahagian Kuantan, Mr. Andy Chew. Berkenaan dengan isu yang ditanya salah satu panel mengatakan mana buktinya, dari mana kita kumpulkan semua...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Ini saya harap tidak diputar belit ya. Saya tanya supaya kita tahu di mana, supaya kita boleh baca. Bukan saya hendak minta bukti. Saya pun tahu *you* bukan pakar. Saya hendak tanya mana bukti supaya jawatankuasa ini boleh baca. Faham tidak?

**Encik Chiew Yoke Theng:** Faham.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Jangan cabar saya macam itu.

**Encik Chiew Yoke Theng:** Kita tidak cabar.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Saya tidak minta bukti pun supaya kita – *you make a statement, we want to know from where, so that we can study.*

**Encik Chiew Yoke Theng:** Okey, senang sahaja, balik kepada soalan itu, bukan maksud dia buktilah ya.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Bukan saya cabar minta bukti.

**Encik Chiew Yoke Theng:** Okey, tidak apa. Izinkan saya cakap dulu ya. Okey, jadi masalah ini berada di Pahang ataupun di Kuantan. Khususnya di Kuantan ini sudah ditimbulkan lebih kurang satu tahun lebih. Okey, dari sudut yang banyak-banyak NGO yang berada di Kuantan, memang dia ada bantahan. Dari mana dia dapat *info*, itu saya tidak tahu. Mungkin melalui *internet*, melalui pakar-pakar tertentu.

Hari ini apa yang penting sekali ialah penjelasan. Apa yang kita hendak ialah Lynas berilah lebih ruangan penjelasan kepada kita supaya rakyat kita di Kuantan *confident*, yakin dengan apa produk yang dibuat. Isu yang sekarang timbul ialah sisa dia. Bahan radioaktif. Itu yang kita bimbang. Bukan kita hendak menolak satu pelaburan dari luar. Ini yang mengatakan padahal khususnya di Kuantan ini perlukan pelaburan. Akan tetapi untuk kita sebagai rakyat yang berada di Kuantan, saya berada di Kuantan. Kawan-kawan saya mungkin banyak juga di Kuantan. Buktinya ialah Lynas kena *prove* lebih efektif dari segi simpanan *waste* dia.

Hari ini saya ingat isu yang pertama sekali ataupun utama yang kita hendak bincang ialah simpanan dia di mana. Itulah kita MCA Negeri Pahang kita adakan satu *statement* mengatakan *waste* kalau dia tidak boleh diselesaikan dengan betul, maksudnya radioaktif itu, kita tidak boleh terima *waste* dia berada di Kuantan. Dia kena hantar luar ke luar negara. *Either* di negara mana, itu kita tidak mahu tahu. Itu perniagaan. Untuk kita, rakyat, kepentingan ialah kesihatan dia. Kepentingan ini ialah rakyat yang berada di Kuantan. Itu pandangan kita. Itulah saya hendak buat tambahan. Terima kasih.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kalau boleh pergi lawat dululah.

**Seorang Ahli:** Okey, *we will do it.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Kalau boleh tengok dulu.

**Seorang Ahli:** Okey.

**Tuan Pengerusi:** *Any new*, ada perkara-perkara baru selain daripada apa yang dikata? Kalau tidak ada...

**11.03 pg.**

**Encik Choo Kay Boon [MCA Pahang]:** Saya Choo Kay Boon dari Paya Besar juga.

**Seorang Ahli:** Pemuda MCA

**Encik Choo Kay Boon:** Ketua Pemuda. Saya ada satu perkara hendak cadangkan itu – hendak tanyalah dahulu. Itu apa faedah bagi orang Kuantan ini Lynas? Produk berapa *percent export*? Ada import? Import ini, bukan import. Ada ditinggal di Kuantan itu Lynas punya produk. Jadi kita adakah faedah dapat kilang-kilang ada apa cadangan? Lagi satu, buatlah atau beri kalau Lynas sudah siap, bolehkah buat satu itu *opening* untuk perjumpaan orang awam? *Okay, thank you.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *You mean the kilang?*

**Encik Choo Kay Boon:** Kilang.

**Tuan Pengerusi:** *I think* ada setengahnya kita sudah cadang. Jawatankuasa ini bukannya untuk kita soal jawab. Kita kumpul. Kalau maknanya daripada persoalan itu menunjukkan rakyat tidak tahu *benefit* ataupun manfaat daripada pelaburan kilang. Jadi itu adalah satu perkara yang kita juga akan laporkan. Okey. Maknanya *not for this committee to explain to you what are they* itu. Bukan begitu. Okey. Kalau tidak ada apa-apa terima kasih.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Boleh saya tanya satu soalan? Saya hendak tanya pandangan, pandangan sahaja ini. Ada orang mengatakan bahawa kalau diberi lesen ataupun Lynas ini diberi *limited operation* untuk percubaan katalah setahun. *Then*, kemudian segala masalah dari segi *radioactivity* dia, *waste management* dan sebagainya itu dipantau mengikut ukuran saintifik.

Oleh sebab sekarang ini ramai orang kata itu, ini dan macam-macam kan. Jadi kita semua adalah berdasarkan pengalaman, berdasarkan apa yang kita baca. Setuju kah kalau – ini ada pandangan, bukan dari pihak jawatankuasa ini ya tetapi pandangan orang yang datang bagi pendengaran sebelum *group* ini yang minta supaya kalau boleh bagi peluang dahulu satu tahun, dua tahun, kemudian kita tengok perjalanan macam mana, *waste management* macam mana, radioaktifnya macam mana. *What will be your opinion?*

**Tuan Chang Hong Seong:** Ini memang satu perkara yang pernah diutarakan di dalam surat khabar pun tentang pendapat umum adalah kita tidak hendak mahu menjadikan Kuantan ini satu *testing ground* tidak boleh. *We want the confirm answer or solid answer* kalau boleh sebelum lesen tapak itu dikeluarkan. *I think so.*

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih.

**11.06 pg.**

**Encik Foo Kok How [Wakil MCA Pahang]:** Tuan Pengerusi, saya Foo Kok How daripada MCA Bahagian Kuantan. AJK sahaja.

Akan tetapi kalau ikut yang tadi Yang Berhormat Kota Belud yang cakap itu, pandangan orang ramai pada sekarang ini kalau kira kita bagi TOL (*Temporary License of Operating*), dia tidak boleh terima. Kenapa? *Radiation effect is not within a year. It will take a longer year. Longer time.* Kalau *you* bagi *temporary operating for one year, we cannot measure the safety*, tahap keselamatannya. Jadi apa yang dia hendak, *the people does not want the plant to be in Kuantan not even for one year, because it will take a very long time to get the effect, the impact from the radiation.* Itu masalah dia.

**Tuan Pengerusi:** Okey, faham. Okey.

**Dato' Eng Fook Heng:** Boleh tambah sikit tidak?

**Tuan Pengerusi:** Ya Dato'.

**Dato' Eng Fook Heng:** *Just my opinion only* ya. Saya rasa YB Kuantan gagal wakili rakyat Kuantan sebab pembangkang diberikan peluang tiga orang untuk masuk *committee* ini tetapi mereka *reject* sama sekali. Mereka tidak – di mana rakyat harapkan mereka untuk mengambil bahagian siasat supaya lebih adil tetapi mereka pilih untuk keluar. Itu saya amat berasa sedih terhadap sikap pembangkang ini, *very selective*.

**Tuan Pengerusi:** Kita...

**Tuan Chang Hong Seong:** Tiga agenda.

**Tuan Pengerusi:** Kita memang akan catat itu. Besar-besar kita akan keluarkan. *[Ketawa]*

**Tuan Chang Hong Seong:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih banyak-banyak. Kita ada selepas ini, ini *second last* ya. Individu.

*[Saksi individu (Encik Ariffin bin Ahmad) mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terutama jawatankuasa yang mengalu-alukan kehadiran dalam pertemuan umum ini. Diharap dapat memperkenalkan diri daripada mana dan kita berikan masa dalam 20 minit untuk kemukakan pandangan ataupun bantahan. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa jawatankuasa telah pun menemui banyak pihak yang membangkitkan pelbagai perkara. Setengah-setengah perkara itu adalah perkara yang memang jawatankuasa telah pun mendengar dan amat faham perkara-perkara dibangkitkan itu. Okey, atas sebab itulah jawatankuasa berharap mendapat kerjasama supaya perkara-perkara yang hendak dibangkitkan itu dapat dibuat dalam masa 20 minit.

**11.10 pg.**

**Encik Ariffin bin Ahmad [Individu]:** *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato', tuan-tuan dan hadirin semua. Saya Ariffin bin Ahmad. Sebenarnya saya secara individu sahaja dan tidak mewakili mana-mana organisasi.

Saya datang ini dengan tujuan untuk men*highlight*kan, menjelaskan beberapa perkara yang ada di dalam PEIA telah diluluskan pada tahun 2008 dulu. PEIA yang diluluskan tersebut saya telah baca dan saya tengok terdapat banyak perkara yang lemah. *I mean* benda-benda yang boleh membahayakan masyarakat setempat sekiranya kilang Lynas ini berjalan berdasarkan atas laporan itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** PEIA ini tahun...

**Encik Ariffin bin Ahmad:** Tahun 2008. Diluluskan pada 15 Februari 2008. Saya hendak teruskan sikit sahaja *point*. Perkara pertama yang saya hendak kemukakan adalah apa yang ada di dalam bahagian 4.4 iaitu *existing environment* di bawah sub 4.6 *Environmental Baseline Investigation*. Begitu juga di bawah perkara 5.0 dalam aspek yang sama iaitu *Potential Environmental Impact Reconstruction*.

Dalam kedua-dua bahagian ini, parameter-parameter yang dijelaskan ataupun dikaji dan akan dikaji semasa Lynas beroperasi tidak langsung menunjukkan ianya sebuah kilang *rare earth*. Saya rasa terdapat satu kelemahan di sini iaitu parameter, maksud saya unsur-unsur yang telah dikaji, *existing environment*, semuanya merujuk kepada kilang-kilang biasa sahaja, bukan kilang *rare earth*. Tidak ada radioaktif, tidak ada *transition material* dan sebagainya. Cuma ada zink, *copper* dan perkara-perkara biasa seperti kilang-kilang biasa.

Jadi sekiranya terdapat peningkatan radioaktif *material* kah, apa kah katakan dalam Sungai Balok, perkara ini tidak dapat dikesan dan disahkan, sebab *baseline* dia tidak ada dan *management – prudential* dia pun bila kita *check* balik tidak ada. *That procedure does not exist in that PEIA*. Itu yang pertama.

Kedua, saya hendak *highlight* mengenai *storage facilities* atau *Residual Storage Facilities (RSF)*. Apa yang ada dalam PEIA, *consultant* yang *design* untuk *storage facilities* ini melalui *parcel* daripada *seller* cuma mengemukakan *conceptual design*, tidak ada *design* yang *detail* dan *conceptual design* ini diterima di dalam PEIA. Sepatutnya perkara ini tidak berlaku. Oleh sebab dalam itu disebutkan sekali pihak, *part and parcel* ini tidak bertanggungjawab atas apa-apa *design failure* kah apa-apa. *Design* itu tidak mengambil kira *local* data seperti *geochemical* data, data cuaca dan sebagainya. *Just conceptual design*.

#### ■1115

Pada saya RSF itu *very primitive* dari segi *design*. Walaupun tadi Dato' cakap, saya pun dengar, bahawa kilang ini *very state of art*, saya setuju dari segi kilangnya tapi dari segi *storage facilities* nya *very primitive*. Sekiranya benda ini dibenarkan berjalan, beroperasi tanpa diambil kira atau dikaji semula perkara yang saya sebutkan ini, mungkin merbahayalah pada saya mungkin pada penduduk setempat. Saya orang Kuantan dan duduk di Kuantan, anak-anak saya pun duduk dan membesar di Kuantan. Jadi, sebab itu saya datang untuk menjelaskan kepada Jawatankuasa tentang perkara inilah. Itu sahajalah Dato'. Saya tidak ambil masa.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Saya hendak tanya sedikit sahaja, Encik Ariffin.

**Encik Ariffin Ahmad:** Ya.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Storage facilities* itu yang *raw material*hyakah atau pun yang *waste*?

**Encik Ariffin Ahmad:** *Waste storage*.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Waste storage*?

**Encik Ariffin Ahmad:** Ya. *Residual storage facilities, short formnya RSF. It is very primitive in nature.*

**Tuan Pengerusi:** Jadi bagi Encik Ariffin, kalau kilang mengambil tindakan-tindakan dan mengatasi perkara yang dibangkitkan, maka tidak ada masalah untuk didirikan? Maksudnya, telah mencukupi dari segi apa yang diharapkan daripada kilang ini.

**Encik Ariffin Ahmad:** Ya, tetapi apa yang saya cakapkan tadi, sebab itu saya sebutkan PEIA. Sekarang ini sepatutnya ada satu dokumen yang sama seperti ini yang lebih *detail*, yang lebih komprehensif yang boleh menjana keselamatan. Apa yang ada dalam PEIA ini ia adalah merupakan satu seperti *binding legal unfitting the government and the factory*lah. Akan tetapi sekarang ini kalau yang ini digunakan memang membahayakan untuk penduduk. Saya berharap pihak kerajaan boleh meminta pihak Lynas menyediakan satu lagi *detailed EIA* punya *report* yang ambil kira semua ini.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Berdasarkan kepada parameter radioaktif?

**Encik Ariffin Ahmad:** Ya. Semua benda. Dua perkara tadilah sebab ia bersangkutan. Kalau RSF ada *failure, leachatenya* akan masuk ke sungai dan benda itu tidak dapat dikesan secara *legal* antara kerajaan dengan *government*lah, bukan? Mungkin dia boleh tahu tetapi dari segi kontrak, *I mean* dokumen dia tidak adalah sebab EIA ini tidak ada dalam itu.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Terima kasih Encik Ariffin.

**Encik Ariffin Ahmad:** Ya.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Encik Ariffin, sebentar ya. Saya amat tertarik dengan hujah-hujah Encik Ariffin itu dan nampak seperti mempunyai fakta. Boleh saya tanya dari segi *background*? *I* boleh tanya apakah *background* Encik Ariffin ini?

**Encik Ariffin Ahmad:** *Basically I'am trained as a geologist* tetapi sekarang ini saya...

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Geologist, ya?*

**Encik Ariffin Ahmad:** *Yes. Saya run my own geotechnical company*lah.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Oh! *Your own consultant*lah.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Encik Ariffin, salah satu *concern* Jawatankuasa Parlimen ini ialah akses kepada pihak berkuasa ini.

Apa yang kita *concern* ada atau tidak apa-apa halangan yang Encik Ariffin lalui tidak boleh beritahu pada mereka atau pun mahu jumpa diakah, hantar surat tidak balaskah atau pun komen seperti ini? Pernah atau tidak diberi atau pun mereka tidak jawab semula kah? Ada atau tidak unsur-unsur seperti itu?

**Encik Ariffin Ahmad:** Sebenarnya saya mengikuti perkembangan ini dari akhbar dan sebagainya. Saya rasa benda ini telah dikemukakan sebelum ini oleh pelbagai pihaklah.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Encik Ariffin, yang lain telah diberitahu. Encik Ariffin sendiri?

**Tuan Pengerusi:** Encik Ariffin, ini *first time you* mengemukakan pandangan mengenai isu ini kepada, maknanya...

**Encik Ariffin Ahmad:** *Officially yes* tetapi sebelum ini *unofficially...*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Ada?

**Encik Ariffin Ahmad:** *I give to various parties*lah.

**Tuan Pengerusi:** Orang lainlah?

**Encik Ariffin Ahmad:** Orang lain.

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** Encik Ariffin sendiri tidak ada?

**Encik Ariffin Ahmad:** Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Encik Ariffin Ahmad:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Okey, kita ada tambahan, ya. Sebentar tadi ada seorang lagi datang. So *now the real second last*. Ada orang datang lambat. Gabungan Persatuan-persatuan Tionghoa Kuantan. Ini berapa? Seorang?

**Datuk Roosme binti Hamzah [Setiausaha]:** Ini ada tiga orang.

**Tuan Pengerusi:** Tiga orang? Ini *preliminary EIA*, ia tidak buat yang radioaktif *because you are undertake*, bukan? Ia *separate*, bukan?

**Seorang Ahli:** Yes. Ia bukan dalam...

**Tuan Pengerusi:** Ya, EIA buat tetapi benda-benda yang ada kaitan radioaktif dia serah kepada itu. Dia memang tidak akan buat *because they are saying about the lack of thing...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Oh! *I see*.

*[Saksi-saksi dari Gabungan Persatuan-persatuan Tionghua Kuantan mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]*

**Tuan Pengerusi:** Selamat pagi dan salam sejahtera. Pertama Jawatankuasa ucap selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran. Jawatankuasa ini seperti mana sedia maklum kita dibentuk untuk mendengar pandangan bantahan daripada masyarakat mengenai projek Lynas. So, dalam masa 20 minit yang diberi kita minta wakil untuk kemukakan apa-apa pandangan dan bantahan. Mula-mula beritahu nama, dari mana dan dijemput untuk sampaikan pandangan.

**11.21 pg.****Encik Chow Liong [Wakil Gabungan Persatuan-persatuan Tionghoa Kuantan]:**

Selamat pagi. Yang Berhormat Tuan Pengerusi Jawatankuasa. Saya Dato' Chow Liong dari Gabungan Persatuan-persatuan Tionghoa Kuantan dengan ahli jawatankuasa saya. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih ke atas semua yang turut hadir pada pagi ini. Saya sebagai wakil Gabungan Persatuan-persatuan Tionghoa Kuantan, bawah persatuan kita ini ada 52 ahli persatuan. Saya fikir semua sekali anggaran ahli ada 20,000 hingga 30,000 orang sehingga di Kuantan.

Pada satu tahun yang lepas, kita adakan satu AGM yang lepas. Memang ada 46 persatuan telah membuat satu memorandum untuk tidak setuju dengan kilang Lynas ini telah hantar kepada Yang Berhormat Perdana Menteri melalui Gabungan Persatuan-persatuan Tionghoa Pahang, melalui Tan Swee Peng. Tentang kilang Lynas ini yang telah diadakan di Kuantan, pada pandangan saya memang kalau dari lebih awal kita ada meminta pandangan orang ramai sebelum ini Lynas didirikan. Saya rasa perkara ini tidak timbul di sini. Saya rasa pandangan saya kalau ada lain-lain kilang yang memang ada kira kebimbangan yang akan didirikan di mana-mana di Malaysia, saya fikir Kerajaan Pusat memang perlu ambil perhatian tentang kerja ini terlebih dahulu sebelum projek ini dijalankan. Tentang kebimbangan ini, penduduk di sekitar Kuantan khas sekali orang-orang Cina di sekitar Kuantan, memang banyak tidak menyokong kilang Lynas ini sebab mereka bimbang bukan sebab tidak suka kilang ini.

Kilang kalau dari segi ekonomi memang ada satu perkara yang baik untuk penduduk di sekitar Kuantan. Akan tetapi ini adalah tentang bahaya yang biasanya semua saya rasa telah tahu iaitu kebimbangan tentang beberapa perkara iaitu tentang radioaktif, tentang sisa, tentang pencemaran air, dan pencemaran udara. Ini memang satu kebimbangan orang ramai. Di sini saya perlu katakan bukan hanya orang Cina sahaja yang kira bimbang akan perkara ini. Ini termasuk kaum Melayu, India, dan lain-lain kaum. Ini memang satu kebimbangan kalau kilang ini didirikan di sini dan mula proses sebab ini jangka panjang. Ini mungkin 20 atau 30 tahun, tidak ada orang tahu. Akan tetapi kesihatan orang ramai memang mereka bimbang.

Sebelum saya datang ke majlis ini pada pagi ini, saya telah menghadiri satu majlis lepas yang telah diadakan di Hotel Hyatt yang telah dihadiri oleh pakar-pakar radioaktif. Saya memang pun ada menyentuh beberapa perkara. Di sini saya ingin katakan seperti Naib Pengerusi saya. Pemaju perumahan, kalau dari pemaju memang ekonomi memang menghadapi masalah. Dahulu kalau dia buat rumah kedai memang sangat laku dan tidak ada masalah. Sekarang memang permintaan sudah kurang atau *slow*. Itu salah satu sahaja contoh yang telah saya fikir ramai pemaju menghadapi.



Dari segi pelancongan yang saya fikir ini timbul memang sekarang ini pun turut membangun. Akan tetapi kebimbangan penduduk atau peniaga di Daerah Kuantan memang kira bimbang sebab kalau Lynas akan jalan mungkin pada orang ramai bimbang. Mungkin dari segi kesihatan atau dari segi perniagaan akan mengalami satu halangan sebab mereka bimbang tidak berapa mahu ke Pantai Timur. Itu pun salah satu perkara yang saya hendak sampaikan. Apa yang saya sentuh tentang perkara tadi iaitu air, sisa atau pencemaran udara, itu memang yang mustahak sekali.

Ada satu lagi pandangan daripada saya. Saya difahamkan kilang Lynas ini telah diberi 12 tahun *free duty* untuk perjalanan kilang ini proses di Kuantan tetapi kalau dari orang ramai ini, saya hanya sampaikan *message* sahaja. Ini bukan daripada pandangan saya sendiri, tidak. Ini satu *message* kerana kalau produk Lynas ini memang dengan harga yang tinggi, boleh cari banyak wang. Mengapa Kerajaan Pusat atau kerajaan negeri mahu beri lagi *free duty* 12 tahun? Sepatutnya perlu caj lebih tinggi lagi sebab ia banyak untung. Mengapa kita hendak ambil risiko? Kalau Kerajaan Malaysia buat boleh untung banyak wang kita sanggup tahan cabaran ini. Akan tetapi kita tidak ada keuntungan besar mengapa kita perlu kira ambil risiko ini. Ini salah satu perkara. Saya fikir dari Tuan Pengerusi dan lain-lain ahli panel saya ingat *you* semua tahu dari setakat tahun lepaslah. Selepas kes dari Jepun iaitu gempa bumi sehingga hari ini dalam satu hari ada sunyi. Perkara ini memang ada dibangkitkan di merata-rata tempat dan mula-mula di Kuantan ke seluruh Malaysia.

Sekarang saya fikir banyak negeri selain dari Pahang pun ada bangkitkan perkara ini. Saya difahamkan... tetapi saya bukan pakar. Saya perlu beritahu dahulu. Saya difahamkan, pertama pihak *atomic atom* datang ke Kuantan untuk beri penerangan dan saya yang aturkan. Akan tetapi dari segi *feedback* iaitu maklum balas daripada orang ramai memang ramai tidak puas hati. Kebimbangan itu saya boleh katakan ramai dari mereka itu memang berpelajaran tinggi dan memang tidak setuju projek ini dan bukan orang-orang kampung.

#### ■1130

Orang kampung memang ramai ikut saya. Ini kerana dia pun tidak faham sangat. Orang kampung memang dengar bahaya ini, bila dengar pun cakap bahaya. Itu memang timbul kepada mereka. Akan tetapi sebahagian kepakaran itu lain-lain. Mereka selalu bagi mesej sebab katakana ini memang bahaya. Orang dengar pun cakap bahaya. Dia ikut bahaya. Memang timbul perkara ini.

Satu lagi perkara yang timbul ialah rakyat Malaysia kurang yakin dengan pengurusan. Dia kurang yakin dengan pengurusan bukit ini ada menghadapi risiko tinggi – dengan pihak pengurusan. Sebab itu memang mereka khuatir jugalah dengan hal ini. Saya rasa apa yang saya tahu, saya memang telah bagi melalui ini.

Pagi ini saya beritahu kebimbangan orang ramai. Pengerusi hanya wakilkan saya untuk sampai mesej ini kepada semua yang ada di sini pada pagi ini. Saya ucapkan terima kasih. Saya minta *Mr. Pang*, *Mr. Pang* dari Persatuan Peniaga Daerah Kuantan. Pengerusinya, *Mr. Pang*, saya ingat boleh bagi sedikit.

**11.32 pg.**

**Encik Pang Woon Ping [Wakil Gabungan Persatuan-persatuan Tionghoa Kuantan]:** Saya, *Mr. Pang*, Timbalan Gabungan Tionghoa Kuantan, bersama-sama Pengerusi *Chinese Chamber of Commerce and Industry, Kuantan*.

Berkenaan dengan Lynas, kita punya pandangan kerana itu pantai dari Kuantan hingga Kemaman, pantai ini memang cantik. Ada banyak hotel-hotel. Ada cadangan dikasi itu kawasan dekat pantai ini kita punya dari Kuantan hingga Kemaman sana.

Pertama sekali itu *area residential* sama *residential* juga. Semalam saya dengar di televisyen, dia kata Lynas punya tempat dia punya jarak sampai *residential area* sehingga enam kilometer. Akan tetapi saya ada satu projek buat dekat sana, saya fikir lebih kurang dua kilometer hingga tiga kilometer juga. Nampak sahaja kawasan itu. Kita bimbang masalah macam ini kerana itu Lynas punya tempat dia *swampy area*. Apa ini *swampy*? Apabila biasa punya masa, dia mesti ada air. Kata bila itu kemarau, dia air cetek. Kurang sedikit dia. Kita di Pantai Timur, setiap tahun monsun punya *period*, dua bulan hingga tiga bulan. Ini apabila Lynas punya apabila sudah jalan, itu sisa atau *waste* dan apa-apa, kalau sudah *expose* ini *open air*, itu masalah saya ingat tidak boleh *control* punya. Itu air mesti dari sungai pergi ke laut. Kita sudah hancur kita punya Pantai Timur laut semua. Kita Pantai Timur punya orang kalau duduk sini kita dengar ini Lynas punya kilang, *security* itu, kita punya rumah tepi-tepi ada satu buang sampah punya *centerkah*. Siapa suka? Kita berharap semua orang timbangkan hal ini kerana itu tidak sihat. Saya cakap sedikit *point* sahajalah.

**Tuan Liang Teck Meng:** Minta sedikit penjelasan. Encik kata ada buat projek berdekatan lebih kurang dua kilometer hingga tiga kilometer daripada tapak Lynas. Projek apa itu?

**Encik Pang Woon Ping:** Projek itu – itu kawasan itu *entrance* itu keluar dari itu *highway* – *bypass*, keluar dekat Sungai Ular itu tempat.

**Tuan Liang Teck Meng:** Projek perumahankah atau projek kilangkah atau projek apa?

**Encik Pang Woon Ping:** Projek rumah. Projek rumah.

**Tuan Liang Teck Meng:** Berapa unit lebih kurang?

**Encik Pang Woon Ping:** Projek itu 26 unit. Sudah siap, sudah ada CF.

**Tuan Liang Teck Meng:** Baru siap?

**Encik Pang Woon Ping:** Sudah siap. Sudah CF. Antara dua kilometer hingga tiga kilometer punya.

11.35 pg.

**Encik Kok Chee Hong [Wakil Gabungan Persatuan-persatuan Tionghoa Kuantan]:**

Ahli-ahli panel sekalian, nama saya Kok Chee Hong daripada Gabungan Persatuan Tionghoa Bahagian Belia. Di sini saya hendak memberi sedikit ulasan tambahan kepada apa yang pengerusi saya dan timbalan pengerusi saya bercakap tadi. Sebenarnya masalah sekarang ini ialah bantahan-bantahan daripada kalangan rakyat ini sebenarnya berasaskan kepada satu perkara sahaja iaitu hilang kepercayaan. Hilang kepercayaan kepada pengurusan dari segi swasta mahupun dari segi kerajaan, kenapa?

Daripada perkara-perkara yang berlaku sebelum ini, ada banyak peristiwa yang terjadi. Daripada peristiwa-peristiwa ini dan juga maklumat-maklumat yang dikumpulkan ini, saya difahamkan bahawa berlakunya penyelewengan dari segi pengurusan swasta dari pihak Lynas tahun lepas. Ini saya tidak tahu sama ada panel tahu. Tahun lepas dalam bulan April, pemegang *shareholder* Lynas cuba hendak *threaten* Lynas sendiri untuk hentikan satu urusan jual beli yang melibatkan *conflict of interest*. Saya tidak mahu pergi ke dalam kerana semua maklumat ini berada dalam *internet*.

Juga semasa bulan Januari 2012 ini, AELB ada berikan satu peluang kepada orang ramai untuk baca dokumen yang dihantar untuk mendapatkan kelulusan TOL. Sebelum ini difahamkan bahawa TOL ini diluluskan dengan *condition* bahawa dokumen-dokumen yang *disubmit* oleh Lynas ini mempunyai kesilapan. Bukan dari segi *grammar* tetapi dari segi teknikal. Saya terkejut jugalah bahawa dengan kesilapan teknikal ini, TOL diluluskan. Sehingga hari ini tidak ada sebarang penjelasan daripada mana-mana pihak tentang perkara ini. So, daripada ulasan-ulasan yang diberi oleh penduduk setempat, memang ada *highlight* tentang kesilapan ini.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Boleh beritahu kita kesilapan dokumen ini?

**Encik Kok Chee Hong:** Dalam dokumen IWMP *Revision 4*, dokumen ini disediakan oleh konsultan. Sebagai seorang konsultan, dia mesti mendapat maklumat yang tepat dan kemudian ditulis ke dalam laporannya. Terdapat kesilapan dari segi nilai yang tertulis dalam jadual-jadual laporan. Terdapat kesilapan dalam gambar rajah, terdapat kesilapan dalam SOP dan lain-lain lagi. So yang ini adalah dirujuk dalam cadangan daripada penduduk Kuantan tetapi malangnya tidak ada apa-apa *feedback* atau penjelasan terhadap perkara ini.

Saya adalah seorang *engineer*. Daripada pandangan seorang *engineer*, kalau ada satu aplikasi yang melibatkan dokumen teknikal dan dokumen ini mempunyai kesilapan, saya sebagai – contohnya, saya sebagai orang yang akan meluluskan dokumen ini, bukankah sepatutnya saya menyuruh orang yang menyediakan dokumen ini membetulkan kesilapan dulu dan baru saya memberi kelulusan.

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** Boleh bagi contoh yang spesifik. *You* kata tadi ada kesilapan nilai dan kesilapan gambar rajah. *If you have the information now, could you state it in your....*

**Encik Kok Chee Hong:** *Can I speak in English? I just take few examples. There is one table in the report stating the dosage of radiation. In the table, it is stated that radiation dosage one kilometer from the plant is 0.002 m/sv per year. Now, on another section, the table has a few lines. The makes line is the dosage of the radiation for a location that is – can't remember the figure. Anybody has the document here?... [Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Tuan Pengerusi:** *You can even supply it later. You just saying that the confident in the authorities is effected by this error or omission.*

**Encik Kok Chee Hong:** *Sorry, again.*

**Tuan Pengerusi:** *You have saying that the confident of the authorities is effected by this omission or ...*

**Encik Kok Chee Hong:** *Yes. No, this very critical point because you cannot approve something that has a mistake in it. And then later on, when the problem arises then people started blaming it. You approve with the problem, this is your responsibility and not mine and people will start pushing the responsibility all over the place. Another example is in the SOP of the company itself.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Tadi contoh yang saudara hendak cuba hendak bagi itu ada?*

**Encik Kok Chee Hong:** *Saya tidak bawa.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Boleh bagi kemudian, ya?*

**Encik Kok Chee Hong:** *No, I don't have with me now.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Boleh bagi kemudianlah.*

**Encik Kok Chee Hong:** *Boleh, boleh.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Terima kasih.*

**Encik Kok Chee Hong:** *Satu lagi adalah SOP Lynas sendiri. Dalam SOP dia ada kata dua jenis sisa. Satu ialah NUF dan satu lagi ialah WLP. Dalam SOP NUF, kita semua sudah faham bahawa NUF itu radiation dia sangat kurangnya. Akan tetapi dalam SOP dia tulis enam point something. Enam point something Becquerel per gram. There is more than one Becquerel per gram that has being approved by IEA. Now, this kind of technical issues. This is competency and credibility of the company that we are talking about. If there are submitting a document that is so crucial to get a license, shouldn't be something been done to make sure it is..., right? This is not a very big request from the public. Isn't it? Can you get it?*

*Now, another credibility that I found recently – sorry, bahasa Melayu balikkah. Alih bahasa.*

*Sebelum ini ada terdapat satu pertunjukan demo daripada pihak Lynas kepada press. Demo itu dijadikan satu rakaman video dan diletakkan dalam Youtube. Daripada rakaman video itu, ada ditunjukkan nilai-nilai radiation dosage daripada sampel WLP, NUF dan FGD. Now, terdapat percanggahan teknikal daripada laporan dengan nilai-nilai yang ditunjukkan.*

Sebagai contoh, daripada EIA tahun 2008, NUF mempunyai *radioactivity concentration* 0.25 *becquerel per gram*. Akan tetapi sampai 2012, nilainya menjadi 0.52 dan berlipat ganda. Kenapa ada percanggahan dalam laporan? Kemudian, dalam *banner* itu, *equipment* yang mereka guna itu, nilai *dosage* yang tertunjuk untuk NUF adalah 0.431 *microsievert per hour*, 0.431 berbanding dengan FGD cuma 0.113 *microsievert per hour*. *Now*, ini bermakna tahap *radiation* NUF lebih tinggi daripada FGDlah. Akan tetapi dalam laporan, FGD mempunyai 0.47 *becquerel per gram* sahaja. Cuma sangat sedikit perbezaan.

■1145

Kemudian dalam laporan tahun 2008, FGD adalah 0.47, satu kali ganda lebih daripada NUF. So, kenapa hari ini bila tunjuk dalam demo NUF tiga kali ganda lebih daripada FGD. Ini adalah semua masalah-masalah teknikal yang sebagai orang awam yang mempunyai sedikit *technical background*, mereka akan tanya. Mereka akan hilang kepercayaan. Okey, itu adalah dari pihak Lynas...

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Because of all these?*

**Encik Kok Chee Hing:** *Sorry?*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *Because of all this hilang kepercayaan.*

**Encik Kok Chee Hing:** *Now, okay that credibility, is the credibility that we are talking about. Human being has send human life to the moon and come back many years ago. Technology is there, everything is there and safety can be done to the maximum but the credibility of the company, are they willing to do it? Are they willing to do it? Now, let's go to the next point that I want to talk about.*

Tadi, saya lupa panel yang mana ada berkata bahawa kilang Lynas ini adalah *state of the art*. Apa maksud *state of the art*? Kalau mengikut maklumat yang dikumpulkan ini, mereka menggunakan proses-proses pengilangan daripada China yang melibatkan kerja-kerja manual, memasukkan mesin menjadikannya *automated*. Okey, dasar pemprosesan adalah sama cuma guna mesin untuk buat di Malaysia. Kalau banding dengan China, mereka guna orang untuk buat. Itu sahaja perbezaannya. *Is this state of the art?*

*Now, talking about state of the art.* Kalau kita tengok Lynas punya *concentration plant* dekat Mount Weld, Australia. Tahu kah panel bahawa mereka menggunakan cara *evaporation* untuk membuang sisa-sisa cecair. *They use evaporation method, they do not dump it into the river.* Akan tetapi di Kuantan, *the waste water to from LAMP will be discharge to the water.* So, *is this more advance than evaporation in plant, Mount Weld? Another thing...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Can I ask you a question? You kata tadi itu LAMP will discharge waste water to the river. Where, have you got any reference?*

**Encik Kok Chee Hing:** *This has all been reported in the IAEA, RWMP its all written in the document submitted by Lynas.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *They are discharging it into the river system.*

**Encik Kok Chee Hing:** *This is their process that is being drafted in the Radioactive Waste Management Programme (RWMP).*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Without being treated?*

**Encik Kok Chee Hing:** *Of course being treated. They can't just dump it like that, but what I am saying, comparing Mount Weld and LAMP. In Mount Weld they are evaporating it, they don't dump it into the river. Over here, they just masuk ke dalam sungai sahajalah. So, is this more advance and more high-tech than evaporation in Mount Weld?*

*Another thing, Mount Weld concentration plant – when the plant was being built, it was being found that there are storage facilities.., ada air masuk ke dalam tanah by using computer analysis. Okey, daripada komputer analisis itu, kerajaan pihak Australia menyuruh mereka re-design and re-engineer your storage facility. So, Mount Weld implemented an additional layer of 1.5 mm HDPE plastic lining, 1.5 mm. But Malaysia, they are only using 1.0 mm. This are all in technical data, technical report submitted by Lynas.*

*Now, itu masalah dia. Okey, kalau kita selidik lebih mendalam lagi, di Mount Weld proses yang melibatkan air cuma flotation sahaja. Maksudnya dia guna air dan letak sedikit chemical buat dia berbuih, buih-buih ini akan mengangkat rare earth ke atas kemudian mereka mengambil rare earth sahaja. Itu sahaja proses dia. Tidak ada proses chemical berlaku. Alright...*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Encik Kok Chee Hing:** *No, no, no. They are not doing any chemical process there, just removal of rare earth material using air, those bubbles. Just like we are playing bubbles from sabun, there are a lot of bubbles right? They are using that bubbles to separate the rare earth. Now, for that kind of process, the radiation level, the thorium content is only 500 ppm. Lower than Malaysia, Malaysia we are having 1,655 ppm.*

*Now, Mount Weld plant with a lower radiation, they are using 1.5 mm plastic lining while Malaysia, having 1,655 which is at least three times the radiation level using only 1.0 mm. Is this state of the art whereby lesser is better? I don't know. Of course there are many other things that I don't want to go through here. I think I has taken too much of our time, I will try to provide the information regarding the technical but to be frank, I wont be providing all of them. Okay, I will just give a few for example.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Also yang tadi ada saudara beritahu pada awal berkenaan dengan pemegang saham Lynas. Meminta supaya pengurusan Lynas di Australia. Kes itu pun kalau boleh you masukkan dalam...*

**Encik Kok Chee Hing:** *That one is available on the internet, everybody can just Google it.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *I want to know your angle of the story because there is so many stories.*

**Encik Kok Chee Hing:** *Oh! That one is from the newspaper reported by Australian media.*

**Dato' Abd. Rahman Dahlan:** *Can you include it in your submission nanti, kalau you boleh tolong masukkan. If you don't mind.*

**Dato' Zulkifli bin Noordin:** *All submission will be reported.*

